# KERAJAAN MALAYSIA

# Peraturan Bayaran Saguhati Bagi Pelaksanaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK)

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

# KANDUNGAN

**ELAUN DAN BAYARAN ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM .......................... 2**

**WP 1.9 Peraturan Bayaran Saguhati Bagi Pelaksanaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK)........................................................................................ 2**

**1. Tujuan ........................................................................................ 2**

**2. Pelaksanaan Penilaian Tahap Kecekapan ............................................. 2**

**3. Peraturan Bayaran Saguhati .................................................................. 2**

**4. Tanggungjawab Pegawai Pengawal Dan Ketua Jabatan...................... 2**

**LAMPIRAN ........................................................................................ 3**

# ELAUN DAN BAYARAN ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM

## WP 1.9 Peraturan Bayaran Saguhati Bagi Pelaksanaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK)

### 1. Tujuan

1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk menetapkan peraturan, kadar dan syarat bayaran saguhati kepada pegawai yang terlibat secara langsung dengan pelaksanaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) bagi semua jenis perkhidmatan.

### 2. Pelaksanaan Penilaian Tahap Kecekapan

2.1 Pelaksanaan PTK melibatkan penubuhan Lembaga Penilaian Kompetensi seperti Lembaga Penilaian Kompetensi Perkhidmatan Awam, Lembaga Penilaian Kompetensi Kementerian, Lembaga Penilaian Kompetensi Perkhidmatan Gunasama Di Bawah Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dan Lembaga Penilaian Kompetensi Perkhidmatan Gunasama Di Bawah Akauntan Negara. Lembaga ini bertanggungjawab menetapkan dasar dan meluluskan sukatan peperiksaan serta kurikulum kursus. Di samping itu, beberapa Panel Peperiksaan dan Panel Penilaian Kursus yang bertanggungjawab menggubal kurikulum kursus, menetapkan soalan, menilai prestasi pegawai dan mengesahkan keputusan ujian kursus dan peperiksaan.

### 3. Peraturan Bayaran Saguhati

3.1 Bayaran saguhati kepada pegawai yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan PTK adalah ditetapkan seperti jadual di **Lampiran A**.

3.2 Selain daripada peperiksaan PTK, terdapat juga peperiksaan lain iaitu peperiksaan perkhidmatan dan peperiksaan yang dijalankan oleh Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan. Sehubungan itu, bayaran saguhati seperti di bilangan 3, 4 dan 5 **Lampiran A,** Pekeliling ini adalah dipanjangkan kepada pegawai yang terlibat secara langsung dalam peperiksaan tersebut.

### 4. Tanggungjawab Pegawai Pengawal Dan Ketua Jabatan

4.1 Adalah tanggungjawab Ketua Jabatan untuk membuat perancangan yang rapi dan memastikan penggunaan masa yang cekap dalam melaksanakan PTK bagi menjimatkan perbelanjaan. Sehubungan itu, Pegawai Pengawal sendiri hendaklah mengawasi dengan rapi terhadap perbelanjaan bayaran saguhati di bawah Pekeliling ini.

# LAMPIRAN

**LAMPIRAN A**

## KADAR BAYARAN SAGUHATI PELAKSANAAN PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN (PTK) DAN PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN AWAM

<table>
<tr><th>BIL.</th><th>PEGAWAI YANG TERLIBAT</th><th colspan="3">KADAR BAYARAN SAGUHATI</th></tr>
<tr><td>1.</td><td>Lembaga Peperiksaan Perkhidmatan Awam (LPPA)/ Lembaga Peperiksaan Kementerian/ Lembaga Peperiksaan Penilaian Kompetensi</td><td colspan="3">Bayaran menghadiri mesyuarat sebanyak RM150 sekali mesyuarat.<br>(*Urus setia tidak layak diberi bayaran ini)</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Panel Penggubalan Sukatan Penilaian/ Panel Penggubalan Sukatan Peperiksaan/ Panel Penilaian/ Panel Peperiksaan</td><td colspan="3">Bayaran menghadiri Mesyuarat sebanyak RM100 sekali mesyuarat.<br>(*Urus setia tidak layak diberi bayaran ini)</td></tr>
<tr><td rowspan="2">3.</td><td rowspan="2">Panel Penilaian PPK</td><td>Kumpulan Pengurusan & Profesional<br>▪ Simulasi Mengajar<br>▪ Persembahan Individu<br>▪ Persembahan Kumpulan<br>▪ Pengucapan Awam/ Public Speaking<br>▪ Penilaian Pengurusan Kerja<br>▪ Penilaian Pengurusan Teknikal<br>▪ Penilaian Personaliti</td><td colspan="2">i. RM50 sejam bagi urusan penilaian dengan maksimum RM1,000 bagi satu tempoh penilaian.<br>ii. Tambahan RM25 sejam dengan maksimum RM500 bagi penilaian sesi Pengucapan Awam/ Public Speaking, Perbincangan Kumpulan dan Persembahan Kumpulan.</td></tr>
<tr><td>Kumpulan Sokongan<br>▪ Perbincangan Kes<br>▪ Temuduga Berkumpulan<br>▪ Simulasi Mengajar<br>▪ Penilaian Pengurusan Kerja<br>▪ Penilaian Pengurusan Teknikal<br>▪ Penilaian Personaliti</td><td colspan="2">i. RM25 sejam bagi satu urusan penilaian dengan maksimum RM500 bagi satu tempoh penilaian.</td></tr>
<tr><td rowspan="2">4.</td><td rowspan="2">Urusan Penilaian/ Peperiksaan<br><br>i. Penyelaras Pusat/ Pengawas</td><td></td><td>Peperiksaan/ Penilaian Sesi Pagi (sehingga pukul 1.00 tgh)</td><td>Peperiksaan/ Penilaian Sesi Petang (mulai pukul 2.00 ptg)</td></tr>
<tr><td>i. Penyelaras Pusat Peperiksaan/ Ketua</td><td>RM40 satu sesi</td><td>RM20 satu sesi</td></tr>
</table>

| BIL. | PEGAWAI YANG TERLIBAT | KADAR BAYARAN SAGUHATI | | |
|---|---|---|---|---|
| | | Pengawas<br>ii. Penolong Penyelaras Pusat Peperiksaan/ Pengawas | RM30 satu sesi | RM15 satu sesi |
| | | (*Urus setia tidak layak diberi bayaran ini) | (*Seseorang pegawai layak bayaran dua sesi (pagi dan Petang) sekiranya waktu peperiksaan bagi kedua-dua sesi pada hari tersebut berjumlah tidak kurang daripada 4 jam) | |
| | ii. Penggubal Soalan/ Rencana | | **Peperiksaan/ Penilaian Kumpulan Pengurusan & Profesional** | **Peperiksaan/ Penilaian Kumpulan Sokongan** |
| | | i. Soalan esei dengan skema jawapan | RM40 satu soalan | RM30 satu soalan |
| | | ii. Soalan objektif/ pendek/ isi tempat kosong dengan skema jawapan | RM30 satu soalan | RM20 satu soalan |
| | | iii. Soalan perbincangan kes dengan skema jawapan | RM40 satu soalan | RM30 satu soalan |
| | | iv. Soalan temuduga berkumpulan dengan skema jawapan | RM40 satu soalan | RM30 satu soalan |
| | | v. Soalan simulasi mengajar dengan skema jawapan | RM40 satu soalan | RM30 satu soalan |
| | | vi. Rencana ujian trengkas dan penyediaan skim markah bagi kederasan:<br>▪ ≥ 100 perkataan seminit<br>▪ < 100 perkataan seminit | RM80 satu rencana<br>RM70 satu rencana | |
| | | vii. Rencana ujian menaip | RM50 satu rencana | |
| | iii. Pemeriksa Kertas Jawapan/ Trengkas/ Taipan | | **Peperiksaan/ Penilaian Kumpulan Pengurusan & Profesional** | **Peperiksaan/ Penilaian Kumpulan Sokongan** |
| | | i. Kertas jawapan esei<br><u>Masa Kertas</u><br>- kertas ≥ 3 jam<br>- kertas ≥ 2 jam < 3 jam<br>- kertas ≥ 1 jam < 2 jam<br>- kertas < 1 jam | RM6 satu kertas<br>RM5 satu kertas<br>RM4 satu kertas<br>RM3 satu kertas | RM5 satu kertas<br>RM4 satu kertas<br>RM3 satu kertas<br>RM2 satu kertas |

<table>
<tr><th>BIL.</th><th>PEGAWAI YANG TERLIBAT</th><th colspan="3">KADAR BAYARAN SAGUHATI</th></tr>
<tr><td></td><td></td><td>ii. Kertas Projek/ Kertas Tugasan Generik/ Fungsional/ Kertas Penilaian<br>▪ 20-25 muka surat<br>▪ 15-19 muka surat<br>▪ 14 muka surat ke bawah<br><br>iii. Kertas Renungan<br><br>iv. Kertas soalan objektif/ pendek/ isi tempat kosong<br><br>v. Kertas trengkas taip bagi kederasan:<br>▪ ≥ 100 perkataan seminit<br>▪ < 100 perkataan seminit<br><br>vi. Kertas taipan ujian menaip<br><br>(*Sekiranya lebih daripada seorang terlibat, bayaran dibahagikan mengikut bilangan orang)</td><td>RM5 satu kertas<br>RM4 satu kertas<br>RM3.50 satu kertas<br><br>RM3 satu kertas</td><td>-<br><br><br><br>-</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td colspan="2">5 sen satu soalan<br><br>RM2.50 satu rencana<br>RM1.50 satu rencana<br><br>RM1.50 satu rencana</td></tr>
<tr><td></td><td>iv. Pembaca Rencana</td><td>Rencana Ujian Trengkas<br>▪ ≥ 100 perkataan seminit<br>▪ < 100 perkataan seminit</td><td colspan="2">RM80 satu rencana<br>RM70 satu rencana</td></tr>
<tr><td>5.</td><td>Urusan Peperiksaan Secara Lisan/ Amali/ Pemerhatian/ Temuduga/ Penilaian Pemahaman Dalam Kumpulan</td><td>Bayaran pemeriksa lisan/ amali/ pemerhatian/ temuduga</td><td>Peperiksaan Sesi Pagi (sehingga pukul 1.00 tgh)<br>RM40 satu sesi</td><td>Peperiksaan Sesi Petang (mulai pukul 2.00 ptg)<br>RM20 satu sesi</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td colspan="2">(*Seseorang pegawai layak bayaran dua sesi (pagi dan petang) sekiranya waktu peperiksaan kedua-dua sesi pada hari tesebut berjumlah tidak kurang daripada 4 jam)</td></tr>
</table>